

Perkasa wakaf jana ekonomi pasca pandemik



Oleh Mohd Amran Mahat
dan Abdul Hadi Mohd Salleh
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah
Universiti Teknologi
MARA (UTM)
Melaka

Negara menghadapi cabaran getir menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang baru dikemukakan dan Belanjawan 2022 yang bakal dibentangkan tidak lama lagi. Situasi pandemik COVID-19 tentunya menjejaskan hasil kutipan cukai yang menjadi antara sumber utama perolehan belanjawan tahunan negara.

Sumbangan hasil cukai langsung menyusut dengan ketara dalam Belanjawan 2021 kepada hanya 40.9 peratus berbanding kadar biasa melebihi 50 peratus. Hasil cukai tidak langsung pula hanya menyumbang 13.2 peratus berbanding sekitar 25 hingga 39 peratus setiap tahun sebelum ini.

Perancangan jangka panjang dan usaha strategik berterusan memperkasakan segala potensi negara juga satu keutamaan bahkan harus dipertingkatkan.

Ini termasuk memberi perhatian istimewa terhadap saranan dan idea penam-

bahbalkan kepada ekosistem semasa wakaf agar lebih produktif serta memberi nilai tambah signifikan kepada kemakmuran negara.

Terbaru, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob selaku Pengerusi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia menentang langkah mobilisasi instrumen wakaf sebagai usaha memperkasakan semula ekonomi dalam Sesi Sembang Belanjawan 2022 secara maya baru-baru ini.

Strategi menggerakkan aset wakaf beku juga perlu diberikan keutamaan sebagai pelengkap kepada usaha kerajaan dalam menangani cabaran landskap ekonomi negara pasca pandemik.

Masanya sudah tiba untuk strategi lebih inklusif dan holistik melalui pembabitan bersinergi oleh semua pemegang taruh institusi wakaf tanpa menafikan hak eksklusif berkaitan wakaf oleh pentadbiran majlis agama Islam negeri.

Ahli perundangan umpamanya perlu segera merungkai kekangan membelenggu usaha pembangunan tanah wakaf seperti ketiadaan enakmen khusus yang akhirnya mengehendkan peranan institusi wakaf.

Institusi wakaf juga perlu meningkatkan kapakan dan menggandakan kerjasama pintar dengan golongan profesional serta ahli akademik untuk menyerlahkan lagi potensi aset wakaf.

Golongan pewakaf harta tidak alih seperti tanah dan bangunan pula seboleh-bolehnya perlulah memastikan sumbangan berkenaan tidak sekadar menambah statistik aset wakaf disifatkan terbeku.

Uruskanlah segala kos boleh menjadikan aset berkenaan bersifat produktif terlebih dahulu sebelum ia diserahkan kerana institusi wakaf yang semanganya berhadapan kekangan dana pembangunan hartanah wakaf.

Selain itu, pemberian insentif cukai lebih menarik wajar diperkenalkan kerajaan untuk dinikmati pewakaf yang menyumbang kepada projek wakaf dikategorikan sebagai berpotensi tinggi dan berdaya maju.

Empayar Uthmaniyyah pada abad ke-18 pernah menyaksikan satu pertiga daripada tanah produktif dari segi ekonomi dikawal institusi wakaf, malah berjaya menyumbang hampir separuh hasil negeri.

Sejarah juga membuktikan mekanisme wakaf menarik minat pewakaf dalam kalangan bukan Muslim untuk bersama-sama menyumbang demi kemakmuran masyarakat.

Semoga ekosistem baru wakaf tanah air bukan hanya untuk manfaat akhirat penyumbangnya, bahkan berperanan besar membantu kerajaan mendepani cabaran perubahan landskap ekonomi negara pasca pandemik.